

# Sebab-sebab Kejatuhan Kita

## dan Tugas-tugas yang Mesti Diperjuangkan

Kita tidak dapat menafikan kemajuan yang dibawa oleh penjajah begitu juga tidak dapat kita menafikan keburukkan yang dibawa olehnya. Setelah diselidiki dengan apa yang terdaya, terbukti keburukkanlah memegang peranan penting.-Dilihat dari segi politik kita telah dikorbankan penjajah, dipandang kepada kebudayaan nyata semakin hebat belaku.” Kata saudara Azmi dalam kupasannya

ini-P.Q

Oleh: Azmi Mujahid

Di dalam masyarakat yang sudah menjadi korban penjajahan barat, tidaklah pelik kalau berlaku apa yang tak dijangka berlaku- ganjil lebih dari ganjil. Peristiwa serupa itu bukan setahun dua tahun yang *slim*, tetapi sudah berabad-abad lamanya iaitu semenjak penjajah menjejak bumi kita. Kita, setelah mereka datang tidak lagi seperti sebelumnya, malahan semakin hari semakin buruk dalam serba corak. Sungguh tepat sekali kalau dikatakan: apakala politik terjajah, ekonomi dan kebudayaan turut sama terjajah.

Tetapi syukurlah, terlebih dahulu dari itu datuk nenek kita sudah di-Islamkan oleh mubaligh-mubaligh Islam yang berjasa itu, dan hasilnya terhindarlah kita dari bahaya besar, kalau tidak harus dua mazhab Kristian -Katolik atau Protestan- mendapat pengaruh yang kuat dalam kalangan bangsa Melayu. Yang akan menjadi semakin rapat perhubungannya dengan penjajah. Penyebar-penyebar Islam di tanah air kita tidak menjajah walau sejengkal tanah, tetapi sebaliknya bangsa kulit putih dengan politik agama mereka telah menjajah bukan sahaja negeri-negeri di benua Asia tetapi di luar Asia. Sebagai agama yang lengkap dalam segenap segi, Islam adalah musibah bagi penjajah, sebagai duri di dalam daging dan tidak menyenangkan!

Bukti-bukti ini dapat dilihat di dalam buku-buku sejarah.

Sungguhpun Islam terlebih dahulu datang, oleh kerana pemerintahan masa itu merupakan diktator autokrasi, Islam tidak dapat tegak sebagai Islam yang sebenar dan penyebar-penyebar Islam tidak memaksa supaya pemerintahan autokrasi itu diubah mengikut seperti pemerintahan Rasulullah dan Khulafa' al-Rāshidīn.

Setelah diitindas oleh penjajah dengan secara licin, segenap perjalann diarah dikawal dan tanah air kita dibelenggu dengan menggunakan putar belit: mahu berniaga -memaju negeri dan akhirnya sedikit-sedikit mereka mendapat kuasa sampai kepada tingkat penghabisan iaitu mengikat perjanjian, “Agama dan adat istiadat Melayu tidak diganggu”.

Dengan siapa dan apa terjadi sebaliknya?

Perjanjian itu berlaku hanya di dalam pagar atasan di atas kerusi lembut dengan Raja-raja Melayu sahaja, sebelum itu mereka mendapat umpan dan jaminan yang melebihi, sedikit sebanyak menjadi sebab yang mereka tidak lebih jauh berfikir dengan semasak-masaknya, dan seterusnya kurang menyedari diri bahawa kuasa politik itulah hidup mati atau rebah bangunnya bangsa Melayu.

Kita tidak dapat menafikan kemajuan yang dibawa, oleh penjajah begitu juga tidak dapat kita menafikan keburukkan yang dibawa olehnya.

Setelah diselidiki dengan apa yang terdaya, terbukti keburukkanlah memegang peranan terpenting. Dilihat dari segi politik, kita telah dikorbankan penjajah, dipandang kepada kebudayaan ternyata semakin hebat berlaku. Kalau di kota, panggung wayang sebagai masjid zaman Rasulullah, sosialnya membuta tuli, pelacur, judi dan minuman hampir jadi daging darah. Direnungkan pula ekonomi bangsa Melayu sudah jelas jadi mangsa lintah-lintah yang melumpuhkan. Sebahagian anak-anak Islam diasuh dididik oleh guru-guru dari barat dari golongan penjajah. Mereka bentuk sesuka-sukanya. Pelajar-pelajar yang tinggi dihantar keluar untuk ditinggikan lagi (kita tidak menyalahi ketinggian dalam pelajaran bahkan itulah disuruh dibentuk oleh Islam asalkan jangan yang bertentang dengannya). Akhirnya mereka (pelajar-pelajar) mabuk dalam serba ideologi dan teori. Setelah tamat mereka balik ke tanah air, ke dalam masyarakat bangsa, Islam dipandang mengikut apa yang dipelajari, sekurang-kurangnya Islam hendak disamakan dengan akal fikiran mereka.

### Apakah Ini, Dari Mana?

Inilh akibat “imperialism” dan berpunca dari imperialism. Mereka melalaikan kita dengan menggunakan perjanjian palsu, disamping perjanjian itu mereka memasukkan jarum.

Untuk lebih jelas lagi sebab-sebab keja Tuhan kita, harus kita kaji: apakah Islam seteah dikenali dan dianuti seluruh bangsa Melayu? Jawabnya Islam yang diamalkan hanya separuh sahaja- separuh lagi hilang tak tentu rimba, mati tak tentu kubur. Apalagi

pengajaran yang dibesar-besarkan hingga melupakan yang lain lagi, yang sama berat tanggungjawabnya, hanya perkara-perkara ibadat dan perhubungan dengan Tuhan jua. Apakala ini sudah ditunaskan bererti sudah lepas tanggungjawab sebagai seorang Muslim. Kita mengakui ibadat itu pangkal pengajaran Islam tetapi kita mengakui pula urusan-urusan hidup sebagai pangkal Islam dan ajarannya yang wajib dilaksanakan. Seterusnya menyusun perpaduan umat (perhubungannya) dan perhubungan dengan Tuhan (ibadat) dua pangkal Islam yang wajib ditunaikan, hal ini sudah ditugaskan oleh al-Qur’ān, pertalian dengan Allah (ibadat) alhamdulillah selamat kita tunaikan tetapi perpaduan (pertalian) dengan manusia sudah ditinggalkan. Oleh itu tidaklah hairan bahawa bangsa Melayu (Islam) menerima kejatuhan yang sebegini hebat kerana tidak menunaikan kewajipan sesama manusia.

Kejatuhan bangsa kita dan kehancurannya adalah disebabkan kita tidak mengikut perintah ajaran Islam dengan sepenuh-penuhnya. al-Qurā’n sudah menjelaskan dengan berterus-terang: “*Inna al-ladhīna yuhaddūna Allāhi warasūlihi kubitū kamā kubita al-ladhīna min qablihim*” (mereka yang menyalahi Allah dan rasul-Nya (tidak menunaikan perintah adalah dihinakan seperti kehinaan yang telah ditempaikan ke atas orang-orang yang dahulu). Fikirkanlah ayat ini sehalus-halusnya! Kita menyalahi atau tidak suruhan Allah dan Rasul?

Kesalahan-kesalahan mengikut pandangan kita bukan sekadar meninggalkan sembahyang, puasa, zakat, haji tetapi meliputi dalam serba perkara, sama ada kesalahan dalam siasah, ekonomi dan kebudayaan. Kesalahan-kesalahan itulah yang meminta supaya kita atasi dan meleburkannya. Apakala kesalahan-kesalahan dapat dileburkan beerti sudah memenuhi sebahagian suruhan Allah dan Rasūlnya.

Sesudah dikemukakan sebab musabab kejatuhan kita, hendaknya menjadi perhatian dalam amalan.

Pergerakan dan perjuangan kita, yang selama ini dalam kekurangan.

### Tugas yang Mesti Dilaksanakan

Menyeru umat kepada kebaikan tidak terkecuali apa sahaja cara dan jalannya tetapi harus menghormati perintah yang tertentu. Tiap anggota masyarakat Islam adalah ditugaskan menunaikan tanggungjawab, menegakkan keadilan sebenar-benarnya, mengikut apa yang terdapat sama ada di dalam pergerakan politik atau badan-badan pergerakan lain.

Dari golongan alim ulama, tugas-tugas ini tidak dipisahkan sama sekali dari mereka, sebagai orang-orang yang mempusakai Nabi-nabi adalah mereka mempunyai tanggungjawab terhadap perubahan masyarakat. Pertubuhan-pertubuhan yang menyeru umat setiap waktu sayugialah ditubuhkan untuk memanggil mereka ke jalan sunnatul Allah.

Dengan adanya pertubuhan-pertubuhan dakwah Islam yang tersebut dapat menghadapi gelombang pergolakan, seterusnya membasmi saki-baki pengaruh penjajahan dan jahiliyah moden.

Perjuangan-perjuangan dan tugas-tugas yang tersebut bukan dapat dilaksanakan oleh seorang dua, bukan hanya duduk di dalam badan siasah bahkan lebih jauh lagi harus berdiri tegak dalam sebarang pertubuhan dan persatuan yang halal. Perjuangan-perjuangan itu menghendaki kekuatan hati, menegakkan keyakinan dalam jiwa sendiri dan pejuang-pejuang umum. Jangan takut diketawa, dikata nista dan maki hamun. Jangan gentar kepada sebarang ugutan dan ancaman (keadaan seperti ini sudah dirasakan Rasulullah bahkan lebih lagi) Hancurkanlah semua sifat-sifat tersebut dari jiwa, itu hanya layak duduk dalam jiwa kafir musyrikin dan munafikin. Terjunkanlah diri ketengah-tengah gelanggang perjuangan. Berilah penerangan bijaksana, guncangkanlah tanah air kita yang



*Yang berhormat Dr Ismail bin Datuk Abdul Rahman Menteri Perniagaan Persekutuan Tanah Melayu sedang memberi ucapan di hadapan 30,000 umat Islam yang berhimpun di Stadium Pulau Pinang kerana merayakan Hari Maulid junjungan kita Nabī Muhammad (SAW).*

sekarang menjadi syurga bagi puak-puak yang tertentu dan menjadi neraka bagi puak fakir miskin.

Sebenarnya perjuangan Islam masih jauh dari yang semestinya. Parti Islam ditubuhkan adalah terlalu lemah perjuangan dan pimpinannya. Untuk kepentingan ini hendaknya ditinggalkan perselisihan sesama keluarga Islam baik yang dekat kaum muda atau kaum tua, golongan pelajar sama ada sekolah agama atau sekolah lainnya, sayugialah bersatu padu dan bersefahaman serta mendapat pimpinan yang bijaksana.

Jadikanlah cermin kejatuhan dan kecaciran kita. Perhebatlah perjuangan, bakarlah sifat kebukuan, bekorbanlah seikhlasnya!! Sehingga gegaran perjuangan itu menjadi pukulan maut kepada pihak yang mengancam keselamatan kita.